

# 12/12/19 Pelajar banteras dadah, jenayah dalam masyarakat

**Jelebu:** Seramai 51 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Undang Syed Ali Al Jufri (SMK DUSAJ) turun padang mengadakan kempen pendidikan pencegahan dadah dan jenayah sekitar pekan Kuala Klawang.

Guru Bimbingan Kaunseling Sepenuh Masa SMK DUSAJ, Puan Azriah Mohd Azmir, berkata pelajar berkenaan terdiri daripada pembimbing rakan sebaya (PRS) dan ahli kelab pencegahan jenayah sekolah.

Beliau berkata, pelajar menjalankan kajji selidik berkenaan dadah dan jenayah kepada orang ramai di sekitar Pasar Tani Kuala Klawang, Stesen Minyak Petronas dan Maybank Kuala Klawang.

"Program ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar mengenai tanggungjawab bersama

membantera penyalahgunaan dadah dan jenayah serta mengedor risalah kepada masyarakat mengenai masalah berkenaan.

## Tampil Yakin

"Selain itu, kita mahu pelajar mempunyai keyakinan diri untuk tampil berkomunikasi dengan orang ramai dalam menyampaikan mesej antidiadah dan pencegahan jenayah," katanya ketika ditemui pada program berkenaan di Pasar Tani Kuala Klawang.

Program dirasmiakan Pengurusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani negeri, Encik Bakri Sawir. Yang turut hadir, Ketua Balai Polis Kuala Klawang, Asisten Superintendent Noraini Nordin dan Ketua Pegawai Agensi Antidiadah Kebangsaan (AADK) Jelebu, Puan Nurhanani Mohd Nor.



Pelajar SMK DUSAJ menemui orang ramai bagi menyampaikan risalah pencegahan jenayah dan dadah di Pasar Tani Kuala Klawang.



Encik Bakri bergambar bersama-sama guru dan pelajar SMK DUSAJ selepas perasmian Kempen Pendidikan Pencegahan Dadah dan Jenayah.

## Erat hubungan

"Kajji selidik dijalankan pelajar akan diserahkan kepada Jabatan Pencegahan Jenayah dan Komuniti (JPJK), Ibu Pejabat Polis Daerah Jelebu untuk tinjau lanjut," katanya.

pisah tiada.

Noraini berkata, kajji selidik dijalankan pelajar kepada diserahkan kepada pihak polis dengan sekolah sekali gus membuktikan polis dan masyarakat ber-

Katanya, usaha itu akan merapatkan hubungan pihak polis dengan sekolah agar maklumat yang diberikan kepada orang ramai. Sementara itu, Puan

Azriah berkata, kajji selidik dijalankan pelajar kepada diserahkan kepada pihak polis dan AADK yang turut memerlukan maklumat orang ramai.